

Umpil ATM guna tukul besi

Polis buru sekumpulan warga tempatan cuba larikan wang di sebuah pasar raya

BANTING- Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat kini giat buru sekumpulan lelaki warga tempatan yang dipercayai cuba melarikan wang dari mesin juruwang automatik (ATM) di sebuah pasar raya di Sungai Sedu, awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2.30 pagi itu, empat pengawal keselamatan diikat dan dikurung di sebuah bilik oleh tujuh lelaki bertopeng sebelum melakukan cubaan merompak.

Ketua Polisnya, Superintenden Zailan Tasir berkata, hasil siasatan mendapati tujuh lelaki dipercayai warga tempatan itu berjaya membuka pintu mesin ATM terbabit menggunakan tukul besi namun gagal mengeluarkan wang.

Menurutnya, tiga pengawal keselamatan warga tempatan dan seorang lagi warganegara Nepal yang diikat turut kehilangan wang tunai anggaran kerugian RM300 sebelum kumpulan suspek terbabit melarikan diri.



Zailan (kiri) ketika menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang disampaikan oleh Abdul Samah.

“Saya percaya sekumpulan suspek itu berusaha membuka mesin ATM terbabit dengan mengumpul menggunakan tukul besi kambing tetapi gagal apabila ketiga-tiga mangsa bertindak menjerit meminta tolong.

“Bagaimanapun, suspek sempat membawa lari barangan wang tunai milik kesemua mangsa sebelum melarikan diri,” katanya sambil memberitahu siasatan mendapati, pintu mesin ATM tersebut berjaya dibuka

namun tidak sempat membuka peti utama wang simpanan duit itu.

Tambahnya, beliau tidak pasti sama ada kumpulan penjenayah terbabit ada kaitan dengan kes pecah masuk beberapa kedai di dalam pa-

“ Saya percaya sekumpulan suspek itu berusaha membuka mesin ATM terbabit dengan mengumpul menggunakan tukul besi kambing tetapi gagal apabila ketiga-tiga mangsa bertindak menjerit meminta tolong.” - Zailan

sar raya terbabit sebelum ini.

“Pihak kami kini giat menjalankan siasatan termasuk melalui rakaman Litar Kamera Tertutup (CCTV) bagi membantu siasatan. Dalam pada itu, orang awam yang mempunyai maklumat diminta menyalurkan maklumat terus ke IPD Kuala Langat untuk tindakan lanjut,” katanya selepas menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang IPD Kuala Langat yang disampaikan oleh Ketua Polis Selangor Abdul Samah Mat.